

USAHA KESERAKANAN DALAM PENERBITAN BUKU ILMIAH DI MALAYSIA

Pembentang:

SN. DATO' DR. ANWAR RIDWAN

**Sasterawan Negara/Dekan Fakulti Penulisan Kreatif
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan
Kebudayaan Malaysia**



PENDAHULUAN

Buku-buku ilmu pengetahuan membentuk kluster atau kelompok penting penerbitan yang menjadi kayu ukur tamadun sesuatu bangsa. Jika jumlah penerbitan buku ilmu pengetahuan sesebuah negara itu kecil berbanding buku-buku lain, maka tamadun bangsa negara tersebut bolehlah dianggap belum kukuh atau belum mantap. Sebaliknya, jika jumlah penerbitan buku ilmu pengetahuan sesebuah negara itu lebih besar berbanding buku-buku lain, maka tamadun bangsa negara tersebut bolehlah dianggap kian kukuh atau kian mantap.

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun pesat, memerlukan kehadiran lebih banyak buku ilmu pengetahuan dalam bahasa Melayu di pasaran. Ketika pasaran tampaknya dimeriahkan dengan kehadiran buku-buku popular atau yang kurang kandungan ilmu pengetahuannya, kehadiran buku-buku ilmu pengetahuan yang banyak amat diperlukan jika kita ingin menjadi sebuah bangsa yang maju, yang terus memperkasa tamadunnya.

Dewasa ini penerbitan buku ilmu di Malaysia boleh dikatakan hanya menjadi tanggungjawab penerbit-penerbit institusi pengajian tinggi awam (IPTA), penerbit milik kerajaan atau separa kerajaan, termasuk institusi-institusi penyelidikan. Penerbit-penerbit ini pada umumnya jarang bersemuka dalam upaya menyediakan perancangan strategik bagi penerbitan buku ilmu, dalam jangka pendek dan jangka panjang. Sehubungan itu sudah tiba masa bagi diwujudkan gerak kerja serakanan (collegiality) bagi menangani isu penerbitan buku ilmu pengetahuan di Malaysia.

Konsep keserakanan selalunya merujuk kepada sekumpulan individu (yang boleh diperluaskan kepada organisasi kerana organisasi digerakkan oleh individu-individu) yang secara eksplisit disatukan oleh tujuan atau matlamat yang sama.*

KEMALAPAN PENERBITAN BUKU ILMU DI MALAYSIA

Kemalapan penerbitan buku ilmu dalam bahasa Melayu mulai terasa sejak 2003 apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (Dasar PPSMI). Dasar tersebut telah memberi natijah bahawa bahasa Inggeris menjadi semakin penting dalam pendidikan di Malaysia, dan akibatnya penerbitan buku ilmu dalam bahasa Melayu mulai menurun bilangannya.

Melalui keputusan Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada 19 Julai 2002 ketika pemerintahan Perdana Menteri keempat itu, tanpa kajian mendalam

terhadap kompetensi guru dan kesannya kepada pelajar, Kementerian Pelajaran Malaysia telah terpaksa mengarahkan semua sekolah rendah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, mulai 2003, hanya lima bulan selepas keputusan Mesyuarat Khas Jemaah Menteri itu dibuat. Keputusan tersebut bukan sahaja telah mengharu-birukan guru-guru, para pelajar dan ibu bapa, malah secara terang-terangan mencabul Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan, dan Akta Pendidikan.

Akibat lebih satu dekad tiadanya pengiktirafan menyeluruh kepada staf akademik tempatan terhadap sumbangan penulisan mereka dalam bahasa Melayu, persuratan Melayu dalam pelbagai bidang ilmu telah melereng ke bawah. Hampir satu juta istilah ilmu yang telah dibentuk oleh ahli-ahli Jawatankuasa Istilah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seakan-akan tidak digunakan lagi. Hampir tiada lagi jawatankuasa istilah ilmu yang benar-benar aktif. Pada hal, “perkembangan ilmu peristilahan Melayu berkait rapat dengan cabaran untuk memantapkan lagi bahasa Melayu. Hal ini kerana aktiviti pembentukan istilah dan seterusnya kamus istilah dapat menyumbang kepada penguasaan ilmu sesuatu bidang dalam kalangan masyarakat. Maka aktiviti pembentukan istilah dan kamus istilah serta kajian demi kajian wajar ditingkatkan demi membina bangsa Malaysia yang berilmu.”* *

PELUANG KEDUA

Kemalapan penerbitan buku ilmu dalam bahasa Melayu akan berterusan sekiranya Dasar PPSMI dilanjutkan. Akan tetapi mujurlah Menteri Pelajaran sekarang bertindak berani untuk memansuhkan PPSMI mulai 2012. Tindakan beliau itu bolehlah dianggap sebagai memberikan ‘peluang kedua’ kepada bahasa Melayu untuk menjadi bahasa ilmu moden di Malaysia. Akan tetapi bahasa Melayu sedang menghadapi pelbagai cabaran hebat. Salah satu daripadanya ialah untuk bangkit semula selepas kemalapan lebih satu dekad, terutamanya bagi menambah kuantiti penerbitan buku-buku ilmu pengetahuan untuk pelbagai peringkat pembaca.

Kelompok yang paling berpotensi menghasilkan buku-buku ilmu pengetahuan dalam bahasa Melayu ialah para staf akademik di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kita. Malangnya tidak semua IPTA benar-benar memberi pengiktirafan terhadap sumbangan mereka (yang menghasilkan buku dalam bahasa Melayu) untuk tujuan kenaikan pangkat umpamanya. Prestasi staf akademik ini selalu diukur melalui sumbangan mereka dalam jurnal-jurnal antarabangsa yang terpilih (ISI umpamanya).

Sehubungan dengan hasrat agar sumbangan penerbitan dalam bahasa Melayu oleh staf akademik diiktiraf oleh universiti-universiti tempatan, Kenyataan Media Sasterawan Negara bertarikh 18 Oktober 2011 antara lain menegaskan:

“Untuk terus memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, penerbitan buku-buku ilmiah dalam pelbagai bidang, dan untuk bacaan pelbagai peringkat pembaca, mestilah terus ditingkatkan jumlah serta mutunya. Janji YAB Timbalan Perdana Menteri untuk memberi dana khas penerbitan buku ilmu, seperti yang diumumkan baru-baru ini, (ketika merasmikan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 pada bulan Oktober di Kuching) merupakan peluang yang harus diambil oleh semua pihak, terutamanya tenaga pengajar di semua universiti awam negara ini.

Sehubungan itu juga, pihak universiti awam wajar mengiktiraf sumbangan tenaga pengajar mereka yang menghasilkan penulisan dalam jurnal atau dalam bentuk buku dalam bahasa Melayu, bagi pertimbangan sumbangan ilmiahnya, termasuk kenaikan pangkat – selain sumbangan dalam jurnal antarabangsa. Jika universiti awam di Malaysia tidak mengiktiraf penerbitan dalam bahasa kebangsaan, kepada siapa lagi nasib bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu hendak diserahkan?

Kami percaya jika sumbangan penulisan dalam bahasa Melayu oleh tenaga pengajar diiktiraf oleh universiti awam masing-masing, 1,700 profesor yang diwakili dalam Majlis Profesor Negara, dan 25,000 tenaga pengajar di universiti-universiti awam kita akan kembali aktif menulis karya-karya ilmiah dalam bahasa Melayu dan memulakan suatu gerak baru dalam sejarah bahasa kita.”

Mungkin kenyataan media tersebut, di samping ucapan YAB Timbalan Perdana Menteri ketika merasmikan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 di Kuching beberapa minggu sebelumnya, turut mempengaruhi keputusan Kementerian Pengajian Tinggi, yang pada akhir Oktober 2011, mengumumkan akan mengiktiraf sumbangan tenaga akademik IPTA yang menghasilkan karya ilmiah dalam bahasa Melayu.

Timbalan Perdana Menteri ketika berucap di hadapan 2,500 warga UKM di Dewan Tun Abdullah Mohd. Salleh pada 23 September 2011, antara lain menyarankan UKM menjadi universiti pelopor kepada usaha mengekal dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sejajar dengan matlamat asal penubuhan UKM. Beliau juga mencadangkan UKM menimbangkan pemberian merit untuk tujuan kenaikan pangkat, khusus kepada ahli akademiknya yang menghasilkan karya ilmiah dalam bahasa Melayu, sekali gus memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu (Berita Harian, 24 September 2011).

GERAK KERJA KESERAKANAN

Pandangan Menteri Pelajaran tersebut, terutamanya ketika beliau merasmikan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011, sewajarnya menggerakkan suatu kebangkitan kolektif. Pihak-pihak seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, penerbit-penerbit universiti, Institut Terjemahan & Buku Negara atau ITBM (sebelum ini dikenali sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia atau ITNM), pusat-pusat penyelidikan dan pengembangan bidang tertentu, penerbit-penerbit swasta, dan pihak-pihak berkepentingan lain, segera duduk semeja menentukan strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi menerbitkan karya ilmiah bermutu tinggi. Ini termasuk penerbitan jurnal dan buku yang mampu menjadi wadah membicarakan isu atau penemuan baharu dalam pelbagai bidang sains dan ilmu kemanusiaan – agar mengurangkan kebergantungan kepada penerbitan dalam bahasa Inggeris, di samping membuktikan bahasa Melayu benar-benar layak menjadi bahasa ilmu-ilmu moden dan mutakhir.

Hal ini penting kerana massa, khususnya khalayak pembaca, perlu melihat kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Jika selama ini mereka boleh membaca buku ilmiah tentang pelbagai bidang dan subbidang dalam bahasa Inggeris, maka hasil pelan strategik itu nanti mestilah membolehkan mereka membaca pelbagai buku ilmiah pelbagai bidang dan subbidang dalam bahasa Melayu.

Menurut perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia, kebelakangan ini dalam tempoh tiga empat tahun yang lalu, jumlah buku judul baru yang diterbitkan di Malaysia ialah antara 10,000 – 16,000 judul setahun, mengalami tahun-tahun pasang-surutnya. Jumlah ini meliputi semua buku untuk kanak-kanak, remaja dan dewasa; serta buku ilmiah dan bacaan umum. Daripada jumlah tersebut, jumlah buku ilmiah bermutu tinggi amat kecil bilangannya. Berdasarkan pengalaman menilai dan memilih buku ilmiah terbaik, termasuk Anugerah Akademik Negara yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, saingan karya ilmiah terbaik amat kecil dan tidak pernah sengit.

Jumlah penerbitan buku negara ini sewajarnya mencapai panduan umum sejagat, iaitu sekurang-kurangnya pada nisbah 0.1% daripada jumlah penduduk. Dengan penduduk Malaysia dianggarkan 28 juta jiwa, maka judul buku baru setahun wajar mencapai 28,000 judul.

Dari manakah jumlah 28,000 judul baru itu, yang sebahagian besarnya haruslah dalam bahasa Melayu boleh diperolehi? Dengan adanya 20 buah institusi pengajian tinggi awam, puluhan pusat penyelidikan dan pengembangan bidang tertentu, dan ratusan IPTS peringkat kolej, kolej universiti dan universiti,

jumlah 28,000 judul baru itu boleh dicapai sekiranya kebanyakan staf akademik dan penyelidik menerbitkan karya mereka, setiap satu atau dua tahun. Seperti yang telah disebut sebelum ini, di IPTA kita terdapat 1,700 orang profesor dan 25,000 tenaga pengajar atau staf akademik. Sekiranya setiap daripada mereka menghasilkan sebuah buku setahun, dengan mudah Malaysia akan mencapai sasaran jumlah penerbitan tersebut. Malangnya kebanyakan mereka tidak menulis!

Negara-negara maju turut memberikan keutamaan kepada penerbitan sebagai produk budaya, sebagai perusahaan ilmu atau 'knowledge industry' yang menjadi pemangkin kepada peningkatan taraf pengetahuan, budaya dan tamadun bangsanya.

Dewan Bahasa dan Pustaka sering mencanangkan bahawa mereka telah mencipta kira-kira sejuta istilah pelbagai bidang dan subbidang dalam bahasa Melayu. Akan tetapi peristilahan saja belum mencukupi bagi menyuburkan penulisan dan penerbitan karya ilmiah bermutu tinggi. Justeru pelan strategiknya wajar turut mengambil kira latihan yang sistematik dan tekal dalam usaha memberi kursus bahasa dan laras bahasa, melatih penulis, editor umum dan editor bidang, pereka, ilustrator dan sebagainya.

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi sedang berada dalam kedudukan genting dan mencemaskan. Kerajaan melalui Timbalan Perdana Menteri bukan sahaja melontarkan cabaran, malah memberi 'peluang kedua' untuk bahasa Melayu bangkit mengisi kepustakaan ilmu moden. Harapannya, karya ilmiah bermutu tinggi terus menjadi petunjuk kepada pengembangan tamadun, dan dinamika bahasa Melayu itu sendiri.

Selain daripada karya asli, karya terjemahan juga harus terus diusahakan, dipelbagaikan bidangnya, serta dipertingkatkan jumlahnya. Kepustakaan Melayu wajar turut diperkasakan dengan kehadiran karya-karya terjemahan. Karya-karya terjemahan telah terbukti turut memainkan peranan memperkasakan sesuatu tamadun.

Sehubungan itu mungkin wajar sekali usaha keserakanan itu dizahirkan melalui penubuhan "Jawatankuasa Khazanah Persuratan Melayu (JKPM)" yang dianggotai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, penerbit-penerbit IPTA, pusat-pusat penyelidikan kerajaan, badan-badan profesional, ITBM, Perpustakaan Negara Malaysia dan penerbit-penerbit swasta. Jawatankuasa ini haruslah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, atau Menteri Kabinet yang benar-benar mencintai perkembangan bahasa dan tamadun Melayu, kerana program Jawatankuasa ini hendaklah dianggap sebagai agenda negara.

Jawatankuasa ini harus bertugas merangka sasaran kuantiti dan kualiti penerbitan persuratan Melayu dalam pelbagai bidang ilmu, dalam jangka pendek dan jangka panjang; serta mengagihkan tugas penulisan, penyuntingan dan penerbitan di kalangan anggota jawatankuasa.

Kerajaan hendaklah memberi dana yang mencukupi bagi tujuan perolehan manuskrip, penyuntingan dan penerbitan karya-karya persuratan yang telah dirancang oleh jawatankuasa ini. Pemberian dana akan membolehkan produk persuratan Melayu dijual pada harga yang lebih rendah kepada masyarakat, dan dengan cara itu karya persuratan Melayu akan lebih mudah tersebar dan dimiliki.

Pemasyarakatan persuratan Melayu hendaklah turut dilihat sebagai suatu usaha memantapkan tamadun berasaskan bahasa Melayu. Bahasa Melayu yang menjadi asas kepada Bahasa Indonesia dan bahasa Melayu di Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura, dan di beberapa wilayah negara-negara Asia Tenggara yang lain sedang digunakan oleh lebih 350 juta penduduk.

Usaha pemasyarakatan persuratan Melayu baik di Malaysia atau mana-mana negara dan wilayah berbahasa Melayu haruslah lebih ditumpukan kepada generasi muda, agar mereka menyedari akan warisan gemilang tamadun bangsanya, dan dengan itu menimbulkan rasa tanggungjawab kolektif untuk melestarikan dan memperkasakan tamadun tersebut.

Di peringkat nasional, program pemasyarakatan persuratan, yang harus turut menjadi agenda penting, bermula dengan penyebaran bahan persuratan yang meluas, umpamanya melalui rangkaian kedai buku, perpustakaan awam dan perpustakaan sekolah; dan penyebaran tersebut mencakupi keperluan serta minat golongan pembaca seperti kanak-kanak, remaja dan dewasa. Pemasyarakatan persuratan boleh dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti seperti (a) mewujudkan dan melaksanakan modul persuratan dalam program latihan kementerian serta agensi-agensi di bawahnya, (b) bicara buku, (c) sesi bersama penulis, (d) forum berdasarkan tema penerbitan, (e) dialog persuratan, dan sebagainya lagi.

PENUTUP

Karya-karya persuratan Melayu juga haruslah dipasarkan merentas sempadan geografi negara-negara dan wilayah-wilayah berbahasa Melayu. Bahasa Melayu/Indonesia dengan sejumlah kecil perbezaan (seperti juga bahasa Inggeris di England dan di USA) hendaklah dianggap sebagai bahasa yang satu, yang boleh difahami oleh kebanyakan penggunaanya, merentas pelbagai negara dan wilayah.

Jurang Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia yang tidak selebar mana itu, haruslah dirapatkan melalui program-program kebahasaan termasuk kajian sosiolinguistik, kerjasama penerbitan serantau, dan program pemasyarakatan persuratan serantau. Jika jurang ini tidak dirapatkan, mungkin timbul tanggapan serta persepsi bahawa Majlis Bahasa Brunei Darussalam- Indonesia-Malaysia (MABBIM) – asalnya MBIM – yang ditubuhkan pada 29 Disember 1972 telah gagal memainkan salah satu peranan utamanya.

Dengan wujudnya Bahasa Melayu/Indonesia yang saling difahami, maka kepustakaan persuratan Melayu menjadi lebih besar, di samping memacu perniagaan penerbitan serantau. Dengan itu ia memperkuat serta memperkasakan lagi tamadun yang berasaskan bahasa Melayu.

Penerbitan buku ilmu dalam bahasa Melayu juga harus memasuki dunia siber. Dunia siber mendedahkan kenyataan perkembangan bahasa yang fenomenanya sangat jauh berbeza daripada zaman sebelum ini. Dunia siber ini juga adalah dunia anak muda, waris kita yang bakal menentukan nasib masa depan bahasa Melayu.

Kita semua juga harus bersedia bersemuka dan memasuki dunia siber ini, termasuk media baru (new media) yang semakin mempengaruhi kehidupan masyarakat, dengan membawa perisian ilmu dalam bahasa Melayu ke dalamnya. Bahasa Melayu tidak boleh terpinggir dan tersorok dari arus perdana teknologi komunikasi, maklumat dan ilmu.

Dunia siber sedang menyaksikan bahasa Inggeris menyebarkan maklumat dan ilmu dalam skala global. Tetapi dunia siber adalah mandala milik bersama ia turut menjadi milik bahasa-bahasa besar dunia yang lain, termasuk bahasa Melayu. Sehubungan itu bahasa Melayu harus masuk ke dunia ini dengan skop serta perisian yang lebih luas. Mereka yang membawa bahasa Melayu masuk ke dalam dunia siber ini harus bebas daripada gejala-gejala eksperimental yang tidak sihat. Skop serta perisiannya dalam skala global harus dapat menunjukkan citra bahasa Melayu tinggi, yang supranasional, dan selayaknya duduk di tengah pentas bahasa dunia.

Untuk tujuan tersebut, usaha keserakanan di kalangan mereka atau organisasi-organisasi yang bertanggungjawab menerbitkan buku ilmu dalam bahasa Melayu dalam kuantiti yang banyak, serta kualiti yang memikat, harus digerakkan segera.

CATATAN Hujung

- * Defini serta huraian tentang 'collegiality' menurut Wikipedia:

Collegiality is the relationship between colleagues.

Colleagues are those explicitly united in a common purpose and respecting each other's abilities to work toward that purpose. A colleague is an associate in a profession or in a civil or ecclesiastical office.

Thus, the word collegiality can connote respect for another's commitment to the common purpose and ability to work toward it. In a narrower sense, members of the faculty of a university or college are each other's colleagues; very often the word is taken to mean that. Sometimes colleague is taken to mean a fellow member of the same profession. The word college is sometimes used in a broad sense to mean a group of colleagues united in a common purpose, and used in proper names, such as Electoral College, College of Cardinals, College of Pontiffs.

Sociologists of organizations use the word collegiality in a technical sense, to create a contrast with the concept of bureaucracy. Classical authors such as Max Weber consider collegiality as an organizational device used by autocrats to prevent experts and professionals from challenging monocratic and sometimes arbitrary powers. More recently, authors such as Eliot Freidson (USA), Malcolm Waters (Australia) and Emmanuel Lazega (France) have shown that collegiality can now be understood as a full fledged organizational form. This is especially useful to account for coordination in knowledge intensive organizations in which interdependent members jointly perform non routine tasks -an increasingly